



PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
BALIK PULAU,  
11000 PULAU PINANG.

---

## DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : PDTDBD/PGD/01/2022

TAJUK :

**TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT  
PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**

TARIKH TUTUP : **21 MAC 2022**

Nama Syarikat :

.....

Alamat :

.....

.....

.....

No. Daftar Kementerian Kewangan:

.....

Tempoh Daftar:.....

Taraf : Bumiputera / Bukan Bumiputera

## SENARAI SEMAKAN

Sila tandakan ✓ bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Resit Pembelian Sebut Harga dari Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Sebut Harga (Lampiran Q) Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Borang Senarai Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Surat Akuan Pembida Berjaya	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Surat Pendaftaran Pelaksanaan Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**NO. SEBUT HARGA: PDTDDB/PGD/01/2022**

**TAJUK: TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT  
PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**

---

**Arahan-Arahan Kepada Penyebut Harga :**

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

- [Lampiran A](#) : Notis Sebut Harga
- [Lampiran B](#) : Kenyataan Sebut Harga
- [Lampiran C](#) : Arahan Kepada Penyebut Harga
- [Lampiran D](#) : Syarat-syarat Tawaran
- [Lampiran E](#) : Spesifikasi Kerja
- [Lampiran F](#) : Borang Sebut Harga (Lampiran Q)
- [Lampiran G](#) : Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga
- [Lampiran H](#) : Borang Kedudukan Kewangan Penyebutharga  
(*Salinan Penyata Bulanan Akuan Bank bagi tiga(3) bulan terakhir*)
- [Lampiran I](#) : Senarai Perkhidmatan yang Sedang dan Telah Dilaksanakan
- [Lampiran J](#) : Surat Akuan Pembida dan Surat Akuan Pembida Berjaya
- [Lampiran K](#) : Profil Syarikat dan Katalog

**PERINGATAN PENTING:**

**SILA SUSUN DOKUMEN SEBUT HARGA INI MENGIKUT TURUTAN DI ATAS.**  
SETIAP PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIRAN YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MENYEMPURNAKANNYA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA PERUNTUKAN DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

**1.0 LAMPIRAN A**

**NOTIS SEBUT HARGA**



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
DAERAH BARAT DAYA  
BALIK PULAU,  
11000 PULAU PINANG.**

---

## **NOTIS SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

No. Sebut Harga : **PDTDBD/PGD/01/2022**

Tajuk Sebut Harga : **TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA (PDTDBD) MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**

Syarat Pendaftaran : **KOD BIDANG 221610**

Tarikh Buka : **14 MAC 2022 (ISNIN)**

Tarikh Tutup : **21 MAC 2022 (ISNIN)**

Dokumen Sebut Harga hanya boleh didapati dengan **memuat turun** dari laman **portal rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang** iaitu [ep.penang.gov.my](http://ep.penang.gov.my) sepanjang tempoh iklan sebut harga.

Dokumen Sokongan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis di sebelah kiri sampul Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti berikut :-

**BAHAGIAN PENGURUSAN DAERAH  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA  
11000 BALIK PULAU,  
PULAU PINANG**

Tarikh tutup tidak lewat dari **jam 12.00 TENGAH HARI pada tarikh 21 MAC 2022 (ISNIN)**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

## **2.0 LAMPIRAN B**

### **KENYATAAN SEBUT HARGA**

**2.1 PERIHAL**

Penyebut harga adalah dipelawa bagi **TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**

**2.2 PERLAKSANAAN SEBUT HARGA**

Tawaran sebut harga ini dilaksanakan secara manual.

**2.3 DOKUMEN SEBUT HARGA**

Pengambilan dokumen sebut harga hanya boleh diperolehi dengan memuat turun melalui laman **Portal Rasmi Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** iaitu **ep.penang.gov.my** sepanjang tempoh iklan sebut harga.

**2.4 KOD BIDANG**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** sama ada bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera dengan Kod Bidang **221610** dalam bidang perkhidmatan.

**2.5 PERTANYAAN AM DAN PERTANYAAN TEKNIKAL**

Sebarang pertanyaan mengenai urusan sebut harga dan teknikal hendaklah disalurkan kepada:

**BAHAGIAN PENTADBIRAN TANAH,  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA,  
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG  
(u.p. ENCIK MOHD MURSYID BIN ABDUL RAHIM)  
Tel : 04-8689437**

**2.6** Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Tajuk Sebut harga, Nombor Sebut Harga yang disertai. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di:-

**BAHAGIAN PENGURUSAN DAERAH,  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA,  
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG**

Penghantaran hendaklah tiba di alamat di atas **SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI PADA TARIKH TUTUP SEBUT HARGA.**

**2.7 BUKTI PENGHANTARAN TIDAK DIANGGAP SEBAGAI BUKTI PENERIMAAN** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab syarikat terbabit.

### **3.0 LAMPIRAN C**

#### **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**



## **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

### **3.1 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

### **3.2 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

#### **3.2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Pemilik Syarikat adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam dengan jelas segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

- a) Harga dan tandatangan pemilik syarikat di Ringkasan Sebutharga ;
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga ;
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan ;
- d) Jadual Kadar Harga (jika ada) ; dan
- e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

**Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pemilik syarikat hendaklah menandatangani ringkas semua pindaan yang dilakukan.**

#### **3.2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **PDTDBD/PGD/01/2022** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebutharga ;
- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan;
- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan ;

d) Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan Dokumen Sebutharga yang dihantar :-

i. Hantar Sendiri Dengan Tangan

Memasukkan Dokumen Sebut Harga dalam peti sebut harga yang salah.

ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran

Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.

### 3.2.3 **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pemilik syarikat boleh menghubungi Urus Setia untuk penjelasan lanjut.

## 3.3 **BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA\***

Dokumen Sebutharga ini dijual dengan harga **RM10.00** (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit sahaja) secara atas talian dan boleh dimuat turun melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>. Dokumen Sebutharga perlu dikepilkan bersama resit bayaran pembelian. Sila pastikan Dokumen Sebutharga yang dimuat turun dicetak dengan lengkap dan mengandungi semua borang-borang yang perlu diisi.

## 3.4 **PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

## 3.5 **PERINGATAN MENGENAI RASUAH**

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

3.5.1 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

- 3.5.2 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 3.5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 3.5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

### 3.6 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 3.6.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **SURAT AKUAN PEMBIDA** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di **Lampiran J**. Surat Akuan Pembida adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- 3.6.2 Penyebut harga yang berjaya menandatangani **SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di **Lampiran J**. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.

### 3.7 TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebutharga ini sah **selama sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga.

## **4.0 LAMPIRAN D**

### **SYARAT-SYARAT TAWARAN**

#### 4.1 SYARAT-SYARAT AM

4.1.1 Tawaran hanya dibuka kepada syarikat-syarikat bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti berikut:

**221610**

4.1.2 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih sah tempoh lakunya hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Borang Tawaran Harga (Lampiran Q) – **Lampiran F**

4.1.3 Berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP)

4.1.4 Satu salinan profail syarikat yang lengkap yang menunjukkan pengalaman, jumlah pekerja dan kepakaran yang boleh diberi dalam kerja-kerja yang ditawarkan berkaitan dengan tawaran sebut harga hendaklah dikemukakan bersama Borang Tawaran Sebut harga – Lampiran F.

4.1.5 Tempat Perkhidmatan

Berikut adalah lokasi bagi perkhidmatan yang dinyatakan dalam tender / sebutharga :

**UNIT PENDAFTARAN,  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA,  
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG**

4.1.6 Tempoh tawaran kontrak adalah pada **1 MEI 2022 sehingga 31 OGOS 2022.**

4.1.7 **SATU (1)** Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** tawaran sebutharga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

4.1.8 Arahan Pengiriman

- Setiap cadangan sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dilabelkan seperti berikut :-

Sampul ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan di sebelah kiri (atas) dituliskan seperti berikut :-

**PDTDBD/PGD/01/2022**

**TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN  
DI UNIT PENDAFTARAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**

4.1.9 Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang tertinggi atau mana-mana tawaran.

4.1.10 Tempoh sah tawaran

- Sah selama 90 hari.

## **4.2 SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN MENJILID DOKUMEN INSTRUMEN**

4.2.1 Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 oleh pekerja kontraktor/swasta

- Pembekal adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Pembekal khususnya perlu faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.
- Pembekal perlu faham bahawa segala rahsia rasmi yang diperoleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan, bertulis atau dengan cara elektronik kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi sahaja, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong atau dengan mana-mana Kerajaan Malaysia dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan.

#### 4.2.2 Tanggungjawab Pembekal

Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya yang meliputi perkara-perkara berikut :

- Menjilid dokumen instrumen menjadi **1140** jilid buku.

#### 4.2.3 Pembekal perlulah mengemukakan perkara-perkara seperti dibawah sebelum proses penjilidan dijalankan :

- Sekurang-kurangnya satu (1) set visual mock-up kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya yang mengandungi perkara-perkara berikut :

i) Contoh kulit jilid (seperti Lampiran E)

ii) Contoh size jilid (seperti Lampiran E)

#### 4.2.4 Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya berhak menamatkan kontrak perkhidmatan yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya :

- Tidak mematuhi jadual pelaksanaan yang ditetapkan
- Tidak memenuhi skop kerja yang telah dipersetujui
- Tidak membekalkan bahan mengikut spesifikasi yang dipersetujui;
- dan apa-apa sahaja yang telah diistilahkan sebagai melanggar syarat

### 4.3 PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA PEMBEKAL

#### 4.3.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak yang dipunyai oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, jika pembekal melakukan kemungkiran mengenai mana-mana satu atau lebih daripada perkara-perkara yang berikut iaitu :

- Jika tanpa sebab munasabah dia menggantung perjalanan seluruh atau mana-mana bahagian kerja sebelum siapnya kerja itu, atau
- Jika dia gagal meneruskan kerja mengikut aturan dan tekunnya, atau

- iii) Jika dia gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak ini atau berulang kali cuai menunaikan obligasinya di bawah kontrak ini, atau
- iv) Jika dia mungkir atau berulang kali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya untuk mengganti apa-apa kerja yang cacat atau barang-barang yang tidak sesuai, atau
- v) Melakukan suatu perbuatan kebangkrapan, atau
- vi) Menjadi tidak solven atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutang atau membuat perkiraan dengan mereka itu, atau
- vii) Sebagai suatu syarikat, ia menghadapi suatu perintah penggulungan yang dibuat terhadapnya, maka Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya boleh memberi kepadanya suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah hantaran yang direkod menyatakan kemungkinan itu, dan jika pembekal samada meneruskan kemungkinan itu selama empat belas (14) hari selepas penerimaan Notis itu atau pada hari bila-bila masa selepas itu mengulangi kemungkinan itu (samada pernah diulangi dahulunya atau tidak), maka Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya boleh dengan demikian itu melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantaran yang direkodkan menamatkan pengambilan kerja pembekal di bawah kontrak ini. Sekiranya pengambilan kerja pembekal di bawah kontrak ini ditamatkan atas perkara di atas tidak kira samada penamatan tersebut sah atau tidak, atau
- viii) Sekiranya hasil kerja yang dilakukan tidak memenuhi Spesifikasi Kerja, maka Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya berhak menangguhkan pembayaran sehingga hasil kerja tersebut dipertimbangkan / disempurnakan sehingga Pegawai yang memeriksa kerja tersebut telah berpuas hati.
- ix) Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya berhak pada bila-bila masa menamatkan kontrak ini dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada pembekal. Pembekal juga boleh berbuat demikian dengan cara bertulis tiga (3) bulan notis sebelum ingin menamatkan kontrak.



#### **4.4 KUANTITI DALAM SENARAI KUANTITI**

4.4.1 Sebutharga pembekal hendaklah memasukkan kos kerja yang dirasakan perlu untuk menyiapkan kerja dengan sempurna seandainya kerja-kerja tersebut tidak dinyatakan dalam senarai kuantiti dan spesifikasi kerja. Sebarang tuntutan tambahan selepas tawaran diterima tidak akan diambil kira kecuali mendapat arahan dan kelulusan bertulis daripada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya.

#### **4.5 JUMLAH KONTRAK DAN PEMBAYARAN**

4.5.1 Harga tawaran sebutharga hendaklah meliputi keseluruhan kerja yang dinyatakan dalam senarai kuantiti dan spesifikasi kerja.

#### **4.6 KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA**

4.6.1 Pembekal hendaklah dalam masa tujuh (7) hari sebelum tarikh siap kerja memberi notis bertulis kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya menyatakan sebab-sebab kelewatan menyiapkan kerja dan sebab-sebab tersebut perlulah munasabah dan tertakluk kepada persetujuan pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya.

## **5.0 LAMPIRAN E**

### **SPEKIFIKASI KERJA**

**SPESIFIKASI KERJA BAGI KONTRAK**  
**TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN**  
**DI UNIT PENDAFTARAN**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA**

**1. SPESIFIKASI KERJA**



- 1.1 Spesifikasi kerja adalah seperti yang dinyatakan di dalam Skop Perolehan Perkhidmatan (Lampiran E).
- 1.2 Semua bahan yang digunakan bagi maksud menyediakan kerja dengan sempurna dan berkualiti hendaklah mendapat persetujuan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya terlebih dahulu. Kegagalan untuk mendapatkan persetujuan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya akan mengakibatkan kerja yang sedang atau telah disiapkan akan ditolak atau tidak diterima oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Segala kos tambahan yang berkaitan tidak akan dilayan.

## SKOP PEROLEHAN PERKHIDMATAN

NO. SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/01/2022  
 TAJUK SEBUT HARGA : TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN  
 INSTRUMEN DI UNIT PENDAFTARAN PEJABAT  
 DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA (PDTDBD)  
 MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022

BIL	KETERANGAN KERJA	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)						
1	<p>Jilid Kulit Tebal (<i>Hard Cover Binding</i>)</p> <p>Ukiran Tajuk pada kulit hadapan dan tulang buku (<i>Gold or silver stamping</i>)            Tulisan : <i>Arial</i> (<i>Font</i> seperti pada gambar contoh*)</p> <p>Maklumat akan diberikan oleh PDTBD seperti gambar contoh*</p> <p>Ukuran saiz buku :            Panjang x Lebar x ketebalan            (30.5cm x 22cm x 4cm)</p> <p>Binding :            Jilid Jahit Benang (<i>Thread Sewn</i>)</p> <p>Contoh* : 20 (<i>Font</i> 80), SC (<i>Font</i> 60),            1234 – 5678 (<i>Font</i> 40), 10 (<i>Font</i> 50)</p> <p><b>Tulang Buku            Muka Hadapan</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">20 SC</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">2020 URUSNIAGA</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">1234 - 4567</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">1234 - 5678</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">10</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">10</td> </tr> </table>	20 SC	2020 URUSNIAGA	1234 - 4567	1234 - 5678	10	10	1140		
20 SC	2020 URUSNIAGA									
1234 - 4567	1234 - 5678									
10	10									

**CONTOH BERGAMBAR :**



**6.0 LAMPIRAN F**

**BORANG SEBUT HARGA**

**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
<b>PDTDBD/PGD/01/2022</b>

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG**

**“ TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN  
DI UNIT PENDAFTARAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022 ”**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama syarikat) ..... | Pelawaan sebut harga dikeluarkan  
..... | Oleh  
..... | **PEJABAT DAERAH DAN TANAH**  
..... | **DAERAH BARAT DAYA**  
..... | **BALIK PULAU**  
No. Telefon: ..... | **11000 PULAU PINANG**  
No. Pendaftaran dengan Kementerian |  
Kewangan ..... | No. Telefon: **04-8689400**  
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan | Tarikh :  
perkhidmatan ini **221610**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **LAMPIRAN A,B,C,D,E DAN F**
  - 1.2. Tempoh kontrak adalah pada **1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022**
  - 1.3. Arahan pengiriman seperti di Klausula 4.1.8.
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **PDTDBD/PGD/01/2022**.
  - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari 21 MAC 2022 (ISNIN)**.
  - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit	Harga Seunit (RM)	Harga Keseluruhan (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1.	<b>TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022</b>	<b>SEPERTI DI LAMPIRAN E</b>	<b>SEPERTI DI LAMPIRAN E</b>	<b>JUMLAH :</b> <b>RM.....</b>  <b>Dengan Perkataan RINGGIT MALAYSIA .....</b> <b>..... sahaja</b>  <i>* Masukkan Jumlah di Jadual Harga</i>

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- ii. Tempoh perkhidmatan adalah pada **1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022.**

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat - syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut harga : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat Syarikat : .....

Cop Rasmi Syarikat : .....

Tarikh : .....



## **7.0 LAMPIRAN G**

### **BORANG KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA & SKIM PERKHIDMATAN**

**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA**

**1. NAMA PENYEBUTHARGA:**

(Nama Syarikat)

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**2. ALAMAT PENYEBUTHARGA:**

Ibu Pejabat :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Cawangan :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**3. NOMBOR TELEFON PENYEBUTHARGA :**

Ibu Pejabat :

Cawangan :

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN:**

4.1 Tempoh Pendaftaran :

Mulai : \_\_\_\_\_ Hingga : \_\_\_\_\_

(Sila sertakan sesalinan sijil Pendaftaran)

4.2 Taraf Penyebutharga : \*Bumiputera / Bukan Bumiputera

(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

**5. MODAL PENYEBUTHARGA : (Isi mana yang berkenaan sahaja)**

5.1 Perseorangan/Perkongsian : RM

5.2 Sendirian Berhad (Sdn. Bhd.) / Berhad (Bhd) :

5.2.1 Modal Dibenar : RM

5.2.2 Modal Dibayar : RM

**6. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)**

6.1 Perseorangan :

Nama Pemilik \_\_\_\_\_ :

No. K/P : \_\_\_\_\_

6.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	% Kongsian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.3 Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.4 Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan	Keturunan

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

## 7. KOMPOSISI PEKERJA

Bil.	Kategori Pekerja	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
1	Pengurusan			
2	Teknikal / Eksekutif			
3	Pentadbiran / Akaun			
4	Operasi			

## 8. PENGALAMAN:

**WAJIB ISI LAMPIRAN I** bagi semua pengalaman kerja syarikat bagi tempoh 3 tahun ke belakang dalam bidang Perkhidmatan Penjilidan Instrumen. Sila sertakan sesalinan surat tawaran atau kontrak berkaitan. Kegagalan mengemukakan dokumen ini akan menjejaskan penilaian yang akan dilakukan oleh urus setia.)

## 9. PENGAKUAN:

(Ditandatangani oleh pemilik syarikat dan bertanggungjawab dalam urusan sebut harga ini)

- 9.1. Saya sebagai pemilik tunggal/Pengarah Syarikat membuat pengakuan bahawa maklumat yang dinyatakan dalam borang sebut harga adalah **BENAR**.
- 9.2. Jika maklumat yang dinyatakan dalam borang sebut harga didapati tidak benar atau cuba menyembunyikan maklumat maka saya bersetuju tender saya **DITOLAK** atau **KONTRAK DITAMATKAN** (sekiranya tawaran diterima dan dilantik).

Pemilik Tunggal/Pengarah Syarikat

Saksi

.....  
Nama :  
No. K/P :  
Tarikh :  
Cop Syarikat / Penyebutharga:

.....  
Nama :  
No. K/P :  
Tarikh :

## **8.0 LAMPIRAN H**

### **BORANG KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA**

Sila sertakan dokumen berikut :

Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.

Sebut harga yang tidak disertakan dengan salah satu dokumen di atas akan **DITOLAK**.

## KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA

1. Ringkasan Aset dan Liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam laporan audit terkini (Syarikat Sdn. Bhd) atau Borang BE LHDN Terkini (Syarikat Enterprise).

Aset (RM)	Liabiliti (RM)
Tetap :	Jangka Panjang :
Semasa :	Semasa :

2. Maklumat Bank.

Bil	Nama Bank	Alamat	No. Akaun

3. Kemudahan Kredit (jika ada)

Wajib sertakan dokumen sokongan yang **DISAHKAN** oleh pihak yang mengeluarkannya (Dokumen tanpa pengesahan dokumen akan ditolak).

Bil	Bentuk Kemudahan	Nilai
1.	Overdraf atau Talian Kredit (Baki)	RM
2.	Overdraf Bercagar (Baki)	RM
3.	Pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek	RM
4.	Kemudahan-kemudahan lain	RM
<b>JUMLAH</b>		

4. Penyata Kewangan Syarikat

Wajib sertakan Penyata Akaun Bank terkini Syarikat **TIGA (3)** bulan berturut-turut) bagi bulan **NOVEMBER 2021, DISEMBER 2021 dan JANUARI 2022.**

Tandatangan Pemilik Syarikat,

Tandatangan Saksi,

.....  
Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cop Syarikat / Penyebutharga:

.....  
Nama :

No. K/P :

Tarikh :

## **9.0 LAMPIRAN I**

### **SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN**

**SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN**  
(Untuk perkhidmatan penjilidan dokumen sahaja)

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/ Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/ No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

**Perhatian :**

- a) **WAJIB** disenaraikan pengalaman yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan **TIGA (3) TAHUN** ke belakang sahaja dan **WAJIB** sertakan surat tawaran kontrak/ bukti daripada jabatan/ agensi berkenaan.
- b) Sila sediakan helaian lampiran untuk tambahan maklumat sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tanda Tangan & Cop Rasmi Syarikat : \_\_\_\_\_



**11.0 LAMPIRAN J**

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

“ TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT  
PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022 ”

KOD SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/01/2022

Saya,..... Nombor K.P..... yang  
memiliki syarikat..... nombor  
Pendaftaran Syarikat .....dengan ini mengisytiharkan bahawa  
saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana  
individu dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu  
lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah  
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah dan  
Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih  
dalam ~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju  
bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga yang ditandatangani tanpa  
bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku,  
memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam  
~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan  
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau  
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama: )

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

*Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.*

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

Bagi

**“ TAWARAN SEMULA PERKHIDMATAN PENJILIDAN INSTRUMEN DI UNIT  
PENDAFTARAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA  
MULAI 1 MEI 2022 – 31 OGOS 2022 ”**

**KOD SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/01/2022**

Saya,..... Nombor K.P..... yang  
memiliki syarikat..... nombor  
Pendaftaran Syarikat .....dengan ini mengisytiharkan bahawa  
saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana  
individu dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu  
lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah  
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah dan  
Tanah Daerah Barat Daya** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih  
dalam ~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju  
bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga yang ditandatangani tanpa  
bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku,  
memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau  
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam  
~~tender~~/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan  
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau  
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....  
(Nama: )

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

*Catatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan.*

## **14.0 LAMPIRAN K**

### **PROFIL SYARIKAT DAN KATALOG**